



**UNIVERSITI
MALAYA**

UCAPAN ALU-ALUAN

PROFESOR DATO' SERI IR. DR NOOR AZUAN ABU OSMAN

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN KEJOHANAN SUKAN INSTITUSI
PENDIDIKAN TINGGI (SUKIPT) 2026**

TARIKH/MASA:

19 MEI 2026. 10.30 PAGI

LOKASI:

DEWAN TUNKU CANSELOR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima Kasih Pengerusi Majlis,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam Perpaduan.

[SALUTASI]

- **Yang Berbahagia Dato' Ts. Dr. Hj. Aminuddin bin Hassim, Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Tinggi;**
- **Yang Berusaha En. Ahmad Rizal Bin Adnan**
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pendidikan Tinggi;
- **Yang Berbahagia Naib-Naib Canselor, Rektor dan Pengarah Universiti Awam dan Swasta;**
- **Puan Fazidah binti Mustafa,**
Setiausaha Bahagian Perancangan Strategik, Kementerian Pendidikan Tinggi;
- **Barisan Pengurusan Universiti Malaya dan Universiti Awam dan Swasta yang hadir**
- **Yang Dihormati Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian dan Institusi, Para Penaja, Rakan Media, Jawatankuasa penganjur kejohanan;**
- **Seterusnya tuan-tuan, puan-puan para hadirin yang dihormati sekalian.**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, Universiti Malaya diberi kehormatan untuk menjadi tuan rumah dan menghimpunkan seluruh warga IPT dalam Majlis Perasmian SUKIPT Edisi Ke-7 Tahun 2026 yang penuh makna ini.
2. Bagi pihak Universiti Malaya, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan penganjuran kejohanan ini. Ucapan terima kasih khusus kepada Yang Berusaha En Ahmad Rizal, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi atas kesudian hadir, seterusnya menyempurnakan majlis pada hari ini.
3. Universiti Malaya dengan penuh rasa bangga mengalu-alukan kehadiran semua kontinjen dari IPTA dan IPTS seluruh negara. Kehadiran saudara dan saudari bukan sahaja memeriahkan kejohanan ini, malah mencerminkan kekuatan semangat kesukanan, daya tahan serta iltizam mahasiswa dalam mengangkat martabat sukan IPT ke tahap lebih gemilang.
4. Sebagai sebuah universiti tertua dan terulung di negara ini, Universiti Malaya percaya bahawa sukan merupakan wadah penting dalam membentuk keseimbangan antara kecemerlangan akademik dan pembangunan sahsiah. Di sinilah lahirnya generasi yang bukan sahaja cerdas mindanya, tetapi juga kental jiwanya dan luhur nilai kepimpinannya.

Ladies and Gentlemen,

5. Sport is not peripheral to the mission of a great university; it is one of the clearest expressions of discipline, resilience, teamwork, competitiveness and human excellence. The world's leading universities have long understood this: Stanford's sporting excellence stands beside its academic distinction, with its athletes winning more than 330 Olympic medals;

Harvard has embedded sport into the formation of leadership, character and institutional pride since its athletes first competed in the Olympic Games in 1896; while Oxford and Cambridge continue to uphold traditions such as The Boat Race as symbols of endurance, prestige, discipline and identity. These examples remind us that sport is not only about medals or trophies, but about shaping young men and women who can lead under pressure, recover from defeat, compete with honour, and rise when the challenge is greatest.

6. The best universities in the world also show that sport is no longer confined to the playing field; it is deeply connected to research, innovation, health, technology and human performance. Institutions such as Loughborough University and the University of Bath have built global strength not only through athletes, but through sports science, biomechanics, physiology, psychology, nutrition, coaching and elite performance research that contribute directly to Olympic and world-class outcomes. This is the level of ambition our universities must embrace, where inter-university sports competitions in Malaysia are not seen as ceremonial events, but as national platforms to build talent pipelines, high-performance culture and new breakthroughs in human potential. The playing field, the classroom, the laboratory and the nation are connected; through sport, we are not only producing champions for a tournament, but champions for the country, for humanity and for the future.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

7. Penganjuran SUKIPT di bumi Universiti Malaya menjadi simbol komitmen kami dalam menyokong agenda Kementerian Pendidikan Tinggi untuk memperkasa pembangunan sukan secara holistik.

Lebih daripada itu, ia membuka ruang untuk memperkukuh jaringan, menyemai perpaduan dan membina semangat kekitaan dalam kalangan warga IPT seluruh Malaysia.

8. Sebagai tuan rumah, Universiti Malaya berusaha sedaya upaya menyediakan pengalaman terbaik kepada semua peserta dan tetamu. Kami amat berbesar hati berkongsi kemudahan, ruang dan semangat kami, dengan harapan setiap detik sepanjang kejohanan ini akan menjadi kenangan berharga yang mengikat ukhuwah antara kita semua.
9. Akhir kata, Universiti Malaya mendoakan agar SUKIPT 2026 berlangsung dengan lancar dan penuh kejayaan. Semoga kejohanan ini menjadi landasan melahirkan atlet berprestasi tinggi, berjiwa besar dan berminda juara, yang kelak mengharumkan nama negara di persada dunia. Sekian, terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

*****TAMAT*****